



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan. **Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
MBMB/SH/2025/83 KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU HIASAN DI SEKITAR JAMBATAN TAN KIM SENG DAN SURAU WARISAN, BANDA HILIR, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH Peruntukan : KERAJAAN NEGERI Tarikh Kelulusan : 12 JUN 2025 No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00021 /73/393	<u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u> Gred G2 (Seluruh Negeri Melaka); atau Gred G3 (Seluruh Negeri Melaka); atau Gred G4 (Seluruh Negeri Melaka) ; atau Gred G5; atau Gred G6; atau Gred G7 Kategori ME Pengkhususan E04 & E11	<u>HARGA</u> RM10.00 * Tidak akan dikembalikan <u>TARIKH</u> 20 Jun 2025 (Jumaat) sehingga 30 Jun 2025 (Isnin)	20 Jun 2025 (Jumaat) Jam 9.30 pagi. Berkumpul di kawasan tempat letak kereta Muzium Sejarah, Melaka Koordinat Lokasi : 2.193879, 102.248617 1. Lawatan tapak adalah <u>DIWAJIBKAN</u> 2. Hanya pegawai syarikat yang di tauliahkan di dalam sijil (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Lawatan Tapak 3. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u>	<u>TARIKH</u> 30 Jun 2025 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **20 Jun 2025 (Jumaat) sehingga 30 Jun 2025 (Isnin)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam